

1. **Syarat-syarat Am**

- 1.1 Satu papan tanda yang menunjukkan nama tuan bangunan, nama arkitek/ pelukis pelan berdaftar, nombor fail/ pelan dan tarikh kelulusan hendaklah dipamerkan di kawasan pembinaan dan ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 1.2 Sambungan di hadapan, tepi dan pagar batu diluluskan atas Perjanjian Bangunan Sementara tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - 1.2.1 Kebenaran ini diberi atas dasar sementara sahaja.
 - 1.2.2 Kegunaan bagi sambungan ini adalah untuk kediaman/ kegunaan asal sahaja. Tiada apa-apa kegiatan lain dibenarkan.
 - 1.2.3 Pada bila-bila masa jika sekiranya pihak berkuasa bercadang untuk melebarkan jalan, longkang atau bangunan ini disalahgunakan maka Majlis akan merobohkan tanpa sebarang gantirugi.
- 1.3 Kerja-kerja bagi bangunan itu adalah dilarang dimulakan selagi tuan/puan tidak memberitahu kepada pejabat ini 4 hari dahulu yang kerja-kerja itu hendak dimulakan (borang b)
- 1.4 Apabila rumah/ sambungan siap dibina hendaklah diberitahu pejabat ini untuk tindakan selanjutnya.
- 1.5 Bangunan ini tertakluk kepada kenaikan dalam nilai tahunan dan taksiran.
- 1.6 Segala pembinaan dinding pemisah hendaklah dilepa dengan lepaan simen setebal ¾ inci kedua-dua permukaan dan dicat warna putih.
- 1.7 Kelulusan permohonan ini diakui sah untuk tempoh **12 bulan** dari tarikh pelan kelulusan. Jika pemajuan tidak dimulakan dalam tempoh tersebut dan permohonan perlanjutan tidak dikemukakan, permohonan ini dengan sendirinya luput. Sebarang perlanjutan perlu dibuat dalam masa **14 hari** sebelum tamat tempoh.

2. **Syarat-syarat Semasa Pembinaan**

- 2.1 Pastikan tidak ada kerosakan jalan, longkang atau harta kerajaan dibuat. Pihak kontraktor hendaklah membaiki segala kerosakan tersebut.
- 2.2 Pastikan habuk-habuk dan bahan-bahan tidak bertaburan dan menimbulkan kacauganggu kepada kawasan sekeliling.
- 2.3 Bahan-bahan dilarang diletakkan di jalan-jalan raya, jalan-jalan kaki lima dan lorong belakang tanpa surat kebenaran dan permit meletakkan barang binaan dari Majlis, yang mana kegagalan berbuat demikian tindakan Undang-undang akan diambil.
- 2.4 **Setelah kerja-kerja pembinaan siap pastikan kawasan sekeliling dibersihkan. Sisa-sisa bahan-bahan binaan dilarang dibuang merata-rata dan pihak kontraktor dipertanggungjawabkan untuk kerja-kerja pembersihan tersebut. Jika sabit kesalahan dibawah Seksyen 47(2)(a) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) Pemilik bangunan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit oleh Mahkamah Majistret.**
- 2.5 Pihak kontraktor dikehendaki memastikan tapak serta kawasan pembinaan bersih dan bebas dari nyamuk AEDES. Pihak Majlis akan mengambil tindakan yang tegas serta menutup tapak pembinaan/ projek tersebut jika perkara di atas tidak dipatuhi sepenuhnya.

- Perhatian :**
- i) Kegagalan mematuhi kehendak-kehendak di atas Majlis akan menyenaraihitamkan bagi arkitek/ pelukis pelan berdaftar dan juga kontraktor yang terlibat.
 - ii) Tuan bangunan dinasihatkan supaya memastikan perunding dan kontraktor mematuhi syarat-syarat di atas dan memberi kerjasama kepada Majlis.
 - iii) Majlis berhak menambah apa-apa syarat tambahan dari masa ke semasa dan juga mengambil tindakan undang-undang jika tedapat sebarang masalah yang timbul.
 - iv) Majlis berhak membatalkan kelulusan pelan yang diberi sekiranya pembinaan dibuat tidak mengikut pelan yang diluluskan.

Sekian dan terima kasih.